



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PPP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 28 Januari 2026



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Essential food prices **surge** before festive season

► Sudden hikes burden devotees, raise concerns over transparency: Association

■ BY **T.C. KHOR**
newsdesk@thesundaily.com

GEORGE TOWN: Tomato prices have doubled within a month in the run-up to Thaipusam and Chinese New Year, sparking concerns over profiteering and weak enforcement at wet markets, a consumer group said yesterday.

Penang Hindu Association president Datuk P. Murugiah said a survey conducted on Jan 26 found that prices had surged from RM2.50 per kg last month to RM5 per kg this month.

"This is a 100% increase in just one month."

He added that the association carried out a

cursory survey at several retail shops and wet markets after receiving numerous complaints from consumers over steep and sudden price hikes.

"Of the 15 items surveyed, there was indeed a surge in the prices of essential food items ranging from 14% to 100%."

He also said other vegetables recorded sharp increases, including ginger and brinjal, which rose by 87.5% and 71.4% respectively.

"Other essential vegetables, including lady's fingers, cauliflower, long beans and (moringa) also saw an increase of between 40% and 50% per kg in this short period of time."

Murugiah said coconuts and mangoes, commonly used by devotees during Thaipusam, were also affected, with prices rising by up to 40% per fruit and 100% per kg respectively.

He added that the sudden spike places a heavy financial burden on devotees observing a strict vegetarian diet ahead of Thaipusam, as well as on groups preparing free meals for

the public.

He also raised concerns over a lack of transparency at wet markets, adding that price tags were often not displayed and weighing scales were usually not visible to consumers.

He urged the Domestic Trade and Cost of Living Ministry and the Prime Minister's Department to take firm action against unethical practices and to step up monitoring, particularly during festive periods.

"Although ceiling prices have been set for essential goods, regular monitoring is needed to ensure that the policy is fully implemented by retailers, especially during festive times," he said, adding that authorities should also look into the frequent shortages of subsidised 1kg packets of cooking oil.

Murugiah also told *theSun* that the practice of providing weighing scales for public use at council-owned markets, introduced some 30 years ago, should be reinstated to protect consumers from being short-changed.



தைப்பூச பக்தர்கள் பயன்படுத்தும் தேங்காய், மாம்பழம் உள்ளிட்டவை திடீர் விலை உயர்வு அதிகாரிகள் கண்காணிக்க கோரிக்கை

கொண்டாடப்படவிருக்கும் வேளையில் காய்கறிகள் உள்ளிட்ட அத்தியாவசியப் பொருட்கள் விலை திடீர் என அதிகரித்திருக்கிறது என்று பிணங்கு இந்து இயக்கம் சமீபத்தில் பல புகாரகளைப் பெற்றுள்ளது என்று அதன் தலைவர் டத்தோ பி.முருகையா தெரிவித்துள்ளார்.

ஜனவரி 26ஆம் தேதி பிணங்கு இந்து இயக்கம் பல சில்லறைக் கடைகள், சந்தைகளில் ஆய்வு மேற்கொண்டது. அப்போது பயனிட்டாளர்கள் செய்த புகார் உண்மைதான் என்பது தெரிய வந்தது. ஆய்வு செய்யப்பட்ட 15 அத்தியாவசியப் உணவுப் பொருட்கள் கடந்த ஒரு வார காலப் பகுதியில் 14 விழுக்காடு முதல் 100 விழுக்காடு வரை விலை உயர்வு கண்டிருப்பது தெரிய வருகிறது.



பக்கம் 13

முதல் பக்கத் தொடர்ச்சி தைப்பூச பக்தர்கள்...

அதன்படி 2025 டிசம்பர் மாதம் கிலோ 2 ரிங்கிட்டாகவும் 50 காசாக இருந்த தக்காளி விலை கடந்த ஜனவரி மாதம் 5 ரிங்கிட்டாக உயர்ந்தது. அத்தோடு பெரிய மாங்காய் விலை டிசம்பரில் கிலோ 5 ரிங்கிட்டாக இருந்தது. ஆனால் இம்மாத ஜனவரியில் அது 10 ரிங்கிட்டாக அதிகரித்திருக்கிறது. டிசம்பரில் ஒரு கிலோ 8 ரிங்கிட்டாக இருந்த இஞ்சி விலை தற்போது 15 ரிங்கிட்டாக அதிகரித்திருக்கிறது. ஊதா கலர் கத்திரிக்காய் விலை கடந்த மாதம் கிலோ 7 ரிங்கிட்டாக இருந்த நிலையில் தற்போது 12 ரிங்கிட்டாக விலை உயர்ந்துள்ளது. வெண்டைக்காய் விலை கிலோ 8 ரிங்கிட்டாக இருந்து தற்போது 12 ரிங்கிட்டாக உயர்ந்துள்ளது. காலிப்பிளவர் கிலோ 8 ரிங்கிட்டாக இருந்து 12 ரிங்கிட்டாக உயர்ந்துள்ளது. பயிற்றங்காய் கிலோ 7 ரிங்கிட்டாக இருந்து 10 ரிங்கிட்டாக உயர்ந்துள்ளது. நடுத்தர தேங்காய் 2 ரிங்கிட்டாக 50 காசிலிருந்து 3 ரிங்கிட்டாக அதிகரித்திருக்கிறது. முருங்கைக் காய் கிலோ 7 ரிங்கிட்டாக இருந்து 10 ரிங்கிட்டாக அதிகரித்திருக்கிறது. பச்சை

மிளகாய் 9 ரிங்கிட்டாக இருந்து கிலோ 12 ரிங்கிட்டாகவும் சிவப்பு மிளகாய் கிலோ 14 ரிங்கிட்டாக இருந்து 18 ரிங்கிட்டாகவும் வெங்காயம் கிலோ 4 ரிங்கிட்டாக இருந்து 5 ரிங்கிட்டாகவும் முட்டைக்கோஸ் கிலோ 4 ரிங்கிட்டாக இருந்து 5 ரிங்கிட்டாகவும் எலுமிச்சை பழம் கிலோ 8 ரிங்கிட்டாக 50 காசிலிருந்து 10 ரிங்கிட்டாகவும் முள்ளங்கி 3 ரிங்கிட்டாக 50 காசிலிருந்து 4 ரிங்கிட்டாகவும் விலை உயர்வு கண்டிருப்பதாக அவர் கூறினார்.

சில பொருட்கள் 100 விழுக்காடு வரையிலும் மற்றவை 40 முதல் 50 விழுக்காடு வரையிலும் சில பொருட்கள் 13 விழுக்காடு வரையிலும் 33 விழுக்காடு வரையிலும் விலை உயர்வு கண்டிருக்கின்றன. தைப்பூச பக்தர்கள் அதிகம் பயன்படுத்தும் தேங்காய், மாம்பழம் ஆகியவற்றின் விலை 40 விழுக்காடு முதல் 100 விழுக்காடு வரை உயர்ந்துள்ளது.

தைப்பூசத்திற்கு ஒரு மாத காலம் விரதம் இருந்து காவடி, பாலுடன் ஏத்திச் செல்வோருக்காக சாலையோம் அமைக்கப்பட்டுள்ள நூற்றுக்கும் மேற்பட்ட அன்னதான சாலை உணவு மையங்களுக்கு இதனால் சமை ஏற்பட்டிருக்கிறது. சம்பந்தப்பட்ட அதிகாரிகள் திடீர் கண்காணிப்புகளையும் ஆய்வுகளையும் நடத்த வேண்டும் என அவர் கேட்டுக்கொண்டார்.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UMUM

Ringgit kukuh: Harga barang import, ubat dijangka turun

Oleh **FATIN NORIZATI MAT ISA**
norizati.isa@medianula.com.my

PETALING JAYA: Pengukuhan nilai ringgit di bawah paras RM4 berbanding dolar Amerika Syarikat (AS), membantu menurunkan harga barangan import termasuk barangan keperluan dan ubat-ubatan, sekaligus memberi peluang menghadapi tekanan kos sara hidup.

Pensyarah Kanan Jabatan Ekonomi dan Pengajian Kewangan, Fakulti Perniagaan dan Pengurusan, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Dr. Mohamad Idham Md. Razak berkata, ia memberi manfaat langsung kepada rakyat mererusi pengurangan kos import khususnya bagi barangan keperluan, makanan, peralatan

perubatan, bahan mentah serta input industri.

Katanya, apabila kos import menjadi lebih rendah, tekanan kenaikan harga dapat diredakan dan seterusnya membantu menstabilkan kos sara hidup rakyat.

"Pengukuhan ringgit juga meningkatkan kuasa beli rakyat terutama bagi barangan yang bergantung kepada komponen import, selain menyokong usaha kerajaan dalam mengawal inflasi secara lebih berkesan," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Ringgit didagangkan di bawah paras RM4 berbanding dolar AS buat kali pertama dalam tempoh hampir lapan tahun manakala harga emas pula mencatat rekod baharu melepasi AS\$5,000 (RM20,017.30) seans atau

RM644 segram.

Isain lala, mata wang tempatan dibuka tinggi berbanding dolar AS pada 3.9750/9800 berbanding 4.0020/4.0080 pada Jumaat, sebelum mengukuh pada 3.9660/9710 di akhir dagangan.

Ringgit kali terakhir dinaikkan pada paras yang sama adalah pada 24 Mei 2018 apabila ia memecah RM3.9797 berbanding dolar AS.

Sementara itu, Felo Penyelidik Pasat Kecemerlangan Kewangan Sosial Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Dr. Farah Fozlan berkata, ringgit kini berada pada paras terkuat dalam tempoh hampir apatan tahun berbanding dolar AS, disokong oleh asas ekonomi Malaysia yang kukuh serta aliran modal global

yang stabil.

Beliau berkata, ketidakpastian geopolitik semasa termasuk konflik di Ukraine dan ketegangan di Asia Barat turut mempengaruhi sentimen pelabur, lantas menyokong permintaan terhadap ringgit sebagai mata wang yang dilihat lebih stabil.

"Prestasi eksport Malaysia kekal mantap kebelakangan ini didorong oleh sektor elektrik dan elektronik serta komoditi utama seperti minyak sawit dan petroleum.

"Permintaan yang tinggi daripada pasaran utama termasuk China, AS dan Kesatuan Eropah (EU) telah meningkatkan aliran masuk mata wang asing ke negara ini, sekali gus menyokong pengukuhan ringgit," katanya.

Rakyat mahu pengukuhan ringgit turut dapat kurangkan kos sara hidup

PETALING JAYA: Majoriti rakyat meletakkan harapan tinggi terhadap pengukuhan nilai ringgit yang kini berada pada paras tertinggi.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati, mereka berharap perkembangan itu memberi kesan lebih nyata terhadap kos sara.

Penghantar makanan, Mohd. Khairun Nizam Mohd. Zaki berkata, harga barangan dalam negara sepatutnya beransur-ansur turun selepas ini, sekali gus menunjukkan keredaan tekanan inflasi cira-sai rakyat.

"Jika benar ringgit semakin kuat, kos import sepatutnya menjadi lebih murah dan harga barangan perlu turun, perkara itu kita harap berlaku.

"Pengukuhan ringgit jangan hanya cantik atas kertas dan tidak memberi kesan sebenar kepada rakyat. Kejayaan mata wang tidak bermakna jika rakyat masih



MOHD. KHAIRUN NIZAM

terteban dengan kos sara hidup yang tinggi," katanya.

Dalam pada itu, seorang guru, Muhammad Fauzi Saad, 56, mengakui, pengukuhan ringgit memberi impak positif daripada sudut makroekonomi dan imej kewangan negara, namun kenaikan harga emas terlalu tinggi menceminkan ketidakpastian



MUHAMMAD FAUZI SAAD

ekonomi global serta kebimbangan terhadap inflasi.

"Bagi rakyat biasa, manfaat kenaikan harga emas adalah terhadap kerela ia lebih menguntungkan pelabur dan pemilik emas, bukan pengguna harian. Penurunan harga barangan import juga masih belum dirasakan ketara," katanya.

Sementara itu, pekerja swasta,



ZURINA SHARIFF

Zurina Shariff, 53, berkata, setakat ini penurunan harga barangan belum berlaku secara ketara, mungkin disebabkan pelbagai faktor ekonomi semasa.

"Walaupun bantuan kerajaan membantu meredakan beban rakyat, ia bukan penyelesaian jangka panjang sepenuhnya terhadap isu kos sara hidup," katanya.

Peningkatan harga barang terkawal

DEWAN RAKYAT

- Atasi dengan suntikan STR, Sara
- Angka ekonomi jadi petunjuk positif

Oleh ZULKIFLI MANZOR

KUALA LUMPUR – Datuk Seri Anwar Ibrahim menyifatkan harga barang di pasaran secara keseluruhan adalah terkawal walau berlaku sedikit kenaikan.

Menurut Perdana Menteri, bagi menangani isu tersebut, kerajaan memperkenalkan beberapa langkah termasuk melalui suntikan dana seperti Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan Sumbangan Asas Rahmah (Sara).

"Harga barang memang ada kenaikannya sedikit, tapi kalau kita lihat keseluruhannya, ada peningkatan yang terkawal dan bagaimana kita nak ukur? Kita ukur ketimbang perkembangan di semua negara, dengan negara +jiran.

"Kalau berlaku sedikit kenaikan yang harus diambil tindakan adalah oleh kerajaan, umpamanya melalui beberapa suntikan dana. Ada yang anggap campurtangan (kerajaan) untuk mengurangkan tekanan harga barang,



ATAS: Harga barang masih terkawal secara keseluruhan walaupun berlaku sedikit kenaikan. – GAMBAR HIASAN

KANAN: Anwar menegaskan bantuan STR dan Sara merupakan antara langkah untuk menangani isu kenaikan harga barang.

(namun) itu kita akan lakukan," katanya pada sidang Dewan Rakyat di sini semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan Datuk Seri Dr. Shahidan Kassim (PN-Arau) berhubung kaitan pengukuhan nilai ringgit dengan harga barang di pasaran.

Terdahulu, Anwar berkata, pengukuhan nilai ringgit ketika ini selepas melemah sekian lama



menunjukkan keyakinan terhadap sistem ekonomi negara, namun ia harus dilihat seiring dengan peningkatan pelaburan, pendapatan dan pengurangan pengangguran.

Jelas beliau, perkara itu bermakna angka-angka ekonomi keseluruhan menunjukkan petanda positif dan sekaligus berjaya memperkukuh kedudukan serta kekuatan ringgit.

"Namun, saya setuju bahawa sebaiknya, jika ada pilihan, ringgit harus mengukuh secara berhema dan perlahan. Tetapi keadaan ini kadang-kadang di luar jangkaan kerana keyakinan pelabur tidak dapat dikawal sepenuhnya," katanya.

Menurut beliau, perkara kedua yang perlu diberi perhatian adalah langkah-langkah domestik bagi memastikan dasar dan kerangka ekonomi dapat dikawal termasuk menjaga keupayaan mengurangkan defisit serta mengawal dan terus menarik pelaburan yang kini sedang dilaksanakan.

Beliau berkata, setakat ini kekuatan ringgit tidak memberi kesan yang terlalu menjejaskan, namun dalam keadaan biasa, pengukuhan ringgit mempunyai kesan positif dan juga sedikit kebimbangan kerana ia berkait dengan eksport dan import barangan.

Bagaimanapun, kata beliau, secara keseluruhan, tiada negara yang mahu nilai mata wangnya merosot dan berada pada tahap rendah di luar kekuatan yang sepatutnya dipertahankan.

RM6.7 juta wang scam dipulangkan kepada mangsa

KUALA LUMPUR - Sebanyak RM34 juta wang hasil penipuan atau scam berjaya diselamatkan dengan RM6.7 juta dipulangkan kepada mangsa tahun lalu berbanding RM508,479 pada tahun sebelumnya.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, peningkatan prestasi wang yang diselamatkan itu hasil pengoperasian 24 jam Pusat Respons Penipuan Kebangsaan (NSRC) yang beroperasi 24 jam berbanding hanya waktu pejabat sebelum ini.

"Wang yang kita selamatkan menggunakan Subseksyen 424A, B dan C, Kanun Keseksan dan wang ini tak berpindah secara ber-lapis.

"Secara keseluruhannya, mengikut data yang kita kumpul daripada aduan mangsa, kita merekodkan sejumlah RM542 juta kerugian daripada aktiviti scam ini sepanjang tahun lepas," katanya ketika sesi soal jawab di Dewan Rakyat pada Selasa.

Beliau menjawab soalan **Yeo Bee Yin (PH-Puchong)** mengenai jumlah mangsa scam yang berjaya mendapat balik duit pada tahun 2024 hingga 2025.

Dalam pada itu Saifuddin Nasution memaklumkan, berdasarkan profil kes penipuan yang direkodkan kementerian, golongan pekerja swasta, kakitangan awam, pesara, pelajar dan ahli perniagaan merupakan antara yang paling ramai menjadi mangsa.

"Profil ini membantu kita memahami jenayah atas talian di bawah kategori kewangan seperti *love scam*, e-dagang, pinjaman tidak wujud, pelaburan tidak wujud dan jenayah telekomunikasi supaya kecekapan penyiasatan dapat dipertingkatkan.

"Selain itu, kita sedang menggabungkan keupayaan semua agensi, bukan sahaja jenayah komersial Bukit Aman, tetapi juga MCMC (Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia), KPDN (Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup) serta agensi berkaitan," ujarnya.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN

BERITA ONLINE BERTARIKH 28 JANUARI 2026

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
28-Jan	Well-oiled app gains traction	https://www.thestar.com.my/news/nation/2026/01/27/well-oiled-app-gains-traction	THE STAR
28-Jan	KPDN rampas 32 tong GPC tanpa permit di Labuan	https://berita.rtm.gov.my/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/kpdn-rampas-32-tong-gpc-tanpa-permit-di-labuan/	RTM
28-Jan	KPDN Labuan rampas 32 tong GPC bernilai RM4,399.80	https://sabahmedia.com/2026/01/27/kpdn-labuan-rampas-32-tong-gpc-bernilai-rm4399-80/	SABAH MEDIA
28-Jan	KPDN MELAKA JALANKAN 31,193 PEMERIKSAAN SEPANJANG TAHUN 2025	https://www.melakahariini.my/kpdn-melaka-jalankan-31193-pemeriksaan-sepanjang-tahun-2025/	MELAKA HARI INI
28-Jan	Harga barangan masih stabil, tiada kenaikan luar biasa seperti didakwa - KPDN P. Pinang	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/harga-barangan-masih-stabil-tiada-kenaikan-luar-biasa-seperti-didakwa-kpdn-p-pinang-557266	ASTRO AWANI
28-Jan	Harga barangan masih stabil, tiada kenaikan luar biasa seperti didakwa - KPDN Pulau Pinang	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2026/01/1316115/harga-barangan-masih-stabil-tiada-kenaikan-luar-biasa-seperti-didakwa-kpdn	HARIAN METRO
28-Jan	Harga barang masih stabil, tiada kenaikan luar biasa – KPDN P. Pinang	https://malaysiagazette.com/2026/01/27/harga-barang-masih-stabil-tiada-kenaikan-luar-biasa-kpdn-p-pinang/	MALAYSIA GAZETTE
28-Jan	KPDN nafi dakwaan harga barangan di P Pinang naik luar biasa	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2026/01/27/kpdn-nafi-dakwaan-harga-barangan-di-p	FREE MALAYSIA TODAY

28-Jan	Harga Barangan Masih Stabil, Tiada Kenaikan Luar Biasa Seperti Didakwa - KPDN P.Pinang	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2517521	BERNAMA
28-Jan	Consumers Voice Concern Over Rising Food Prices Ahead Of Thaipusam And CNY	https://www.bernama.com/en/news.php?id=2517546	BERNAMA
28-Jan	Penang: KPDN Dismisses Price-hike Reports, Assures Essentials Prices Stable	https://www.bernama.com/en/news.php?id=2517546	BERNAMA
28-Jan	Ministry dismisses reports of food price hikes in Penang	https://malaysians-mustknowthetruth.blogspot.com/2026/01/ministry-dismisses-reports-of-food.html	MALAYSIAN MUST KNOW
28-Jan	KPDN refutes festive price hike claims, assures stable essentials	https://thesun.my/news/malaysia-news/people-issues/kpdn-refutes-festive-price-hike-claims-assures-stable-essentials/	THE SUN
28-Jan	Penang Hindu group urges price crackdown as essentials soar ahead of Thaipusam, CNY	https://theleaders-online.com/penang-hindu-group-urges-price-crackdown-as-essentials-soar-ahead-of-thaipusam-cny/	THE LEADERS
28-Jan	Tiga pengarah syarikat didenda gagal serah penyata tahunan	https://berita.rtm.gov.my/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/tiga-pengarah-syarikat-didenda-gagal-serah-penyata-tahunan/	RTM
28-Jan	RIM menuntut perlindungan hak cipta daripada ancaman AI	https://www.hmetro.com.my/rap/rapextra/2026/01/1316007/rim-tuntut-perlindungan-hak-cipta-daripada-ancaman-ai	HARIAN METRO

28-Jan	Industri muzik Malaysia rekod pendapatan RM428.3 juta 2025	https://www.bharian.com.my/hiburan/selebri/2026/01/1502168/industri-muzik-malaysia-rekod-pendapatan-rm4283-juta-2025	BERITA HARIAN
28-Jan	Catat RM428.3 juta, 2025 era industri muzik paling meledak	https://www.kosmo.com.my/2026/01/27/catat-rm428-3-juta-2025-era-industri-muzik-paling-meledak/	KOSMO
28-Jan	Industri muzik terus berkembang, raih RM428.3 juta pada 2025	https://www.utusan.com.my/gaya/hiburan/2026/01/industri-muzik-terus-berkembang-raih-rm428-3-juta-pada-2025/	UTUSAN